Cadenas, C. (2023). MySpace: Why It Failed & When It All Went Wrong. Retrieved from https://screenrant.com/why-when-myspace-failed/

Hendelmann, V. (n.d.). What Happened To Myspace? And Why Did It Fail? Retrieved from https://productmint.com/what-happened-to-myspace/#:~:text=Myspace%20failed%20because%20of%20rising,2005%20but%20eventually%20flamed%20out.

Renata, L. (2020). Learn From Myspace Failure. Retrieved from https://medium.com/@lovika0670/essay-a23bb2897d6e

Sinha, M. (2022). Why Did Myspace Fail to Compete Against Facebook? Retrieved from https://startuptalky.com/myspace-failure-case-study/

PENULISAN MESEJ NOTIFIKASI YANG LEBIH BERKESAN: TEKNIK JEDA NAFAS

By:
NUR SYIKRI HARUN[1]
FATHIYAH ISMAIL[2]
NAJAH LUKMAN[2]
[1]Akademi Pengajian Bahasa
[2]Fakulti Pengurusan dan Perniagaan
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu
**Emel Koresponden: nursyikri@uitm.edu.my*

Adakah anda suka menulis notifikasi panjang-panjang? Adakah anda merasakan semakin panjang apa yang anda tulis, maka semakin baik penyampaiannya? Tahukah anda tentang peranan jeda nafas dalam penulisan notifikasi? Soalan-soalan di atas berkemungkinan menceritakan tentang karakteristik berkenaan penulisan notifikasi yang anda lakukan. Untuk artikel ini, saya lebih mengkhususkan tentang penulisan mesej notifikasi menggunakan telefon pintar anda kepada para pelajar anda sendiri.

Secara amnya, ramai pensyarah menulis notifikasi menggunakan ayat-ayat yang agak panjang dan dalam bentuk perenggan. Ayat-ayat ini diolah seperti dialog antara seorang pensyarah dan pelajar-pelajarnya. Namun, pada hakikatnya, penyampaian mesej tersebut boleh menyebabkan kesesakan maklumat dek kerana perincian yang begitu banyak. Ini mencetuskan 'ketidakhadaman' para pelajar dalam memahami mesej yang disampaikan oleh pensyarah. Ia berikutan terdapat terlalu banyak mesej dan maklumat yang ingin dikongsi. Perkara ini berlaku kerana pensyarah tidak menulis notifikasi mereka menggunakan 'jeda nafas'.

Apakah yang dimaksudkan dengan jeda nafas itu? Bagaimanakah fungsi jeda nafas dalam penulisan? Menurut kamusbm.com, 'jeda' membawa makna waktu rehat: sampai waktu ~, belum ada kalah menang; 2. = berjeda berhenti sebentar; tidak ~ tidak putusnya, tidak henti-hentinya; 3. masa antara dua peristiwa atau tindakan. Sementara itu, 'nafas' pula bermaksud udara yang disedut ke dalam dan dihembuskan keluar dari paru-paru; menarik ~ menyedut udara (ke dalam paru-paru); menghembuskan ~ yang akhir (penghabisan) mati. Berdasarkan definisi berkaitan 'jeda' dan 'nafas' seperti tertera di atas, dapatlah difahami bahawa 'jeda nafas' ini bermaksud berhenti sejenak untuk mengambil sedikit ruang supaya dapat mengambil nafas atau menyedut udara.

Lalu bagaimanakah cara menulis mesej notifikasi yang berkesan kepada pelajar? Bagaimakah pula cara menyusun mesej tersebut? Sebenarnya, mesej anda tetap sama. Apa yang berbeza hanyalah pemisahan ayat-ayat dalam perenggan panjang menjadi perenggan yang lebih pendek dan kemas. Ayat-ayat yang melebihi tiga baris pula perlu dipotong atas diringkaskan menjadi lebih pendek. Ia tetap mesej notifikasi yang sama. Cuma

Photo by Hannah Olinger on Unsplash

persembahannya lebih pendek dan ringkas. Ini boleh dilakukan dengan menggunakan teknik jeda nafas yang saya sebutkan tadi.

Tetapi, apakah sebenarnya teknik jeda nafas itu? Seperi yang dijelaskan dalam definisi 'jeda' pada perenggan yang lalu, ia bermaksud 'berhenti sebentar' atau 'rehat sejenak'. Sebagai seorang manusia, bernafas adalah satu kemestian demi kesinambungan hidup. Hal yang demikian (bernafas) juga berlaku semasa kita membaca. Misalnya, di hadapan kita ada sebuah teks yang mengandungi sepotong ayat yang begitu panjang – kira-kira lima baris panjangnya, tanpa ada sebarang punctuation (tanda baca) langsung untuk berhenti sebentar. Tiada noktah. Tiada koma. Tiada tanda palang. Tiada titik bertindih. Tiada apa-apa. Hanya semata-mata ayat yang ditulis begitu panjang. Adakah anda mampu membacanya dengan hanya satu nafas? Adakah anda sempat membaca bermula daripada perkataan pertama sehingga perkataan terakhir dalam ayat tersebut hanya senafas? Saya percaya majoriti manusia biasa tidak mampu membaca sepotong ayat sepanjang lima baris dengan hanya bermodalkan satu nafas.

Itulah sebenarnya peranan jeda nafas. Ia memberikan anda ruang untuk bernafas. Sekiranya seseorang manusia biasa itu tidak dapat membaca sepotong ayat sepanjang lima baris, maka anda sebagai seorang penulis perlulah memendekkan ayat anda supaya bersesuaian dengan jeda nafas seorang manusia biasa. Tidak kiralah anda memotong ayat anda supaya kelihatan lebih ringkas atau anda menggunakan point form untuk menulis, yang pentingnya adalah ia mengikut jeda nafas. Namun, anda mungkin belum nampak lagi apa signifikannya menggunakan teknik jeda nafas ini. Untuk memberikan ilustrasi yang lebih jelas, saya bawakan satu contoh mesej notifikasi daripada seorang pensyarah kepada pelajar-pelajarnya, seperti berikut:

> *Assalamualaikum WBT. Minta perhatian semua students. Pada minggu depan, seperti yang tertera pada course information kursus ini, kamu semua akan menduduki satu ujian bertulis berkaitan beberapa chapters yang kamu dah pelajari sejak dari Week 1 sehingga Week 6. Seperti yang telah dimaklumi, kamu tidak dibenarkan membawa sebarang nota atau buku teks kamu semasa ujian berlangsung. Sesiapa yang ditangkap kerana membawa nota rujukan semasa ujian akan dikenakan tindakan tatatertib. Ini adalah assessment penting yang kamu perlu duduki. Jangan kata kamu tak bersedia sebab saya dah maklumkan lebih awal dan memang dah tertera dalam course information. Saya tahu kamu semua busy dengan assessments untuk kod kursus lain. Tapi kamu juga perlu bersedia untuk ujian kod kursus saya sepertimana hak pensyarah-pensyarah lain juga. Time management is tremendously important!*
>
> (125 patah perkataan)

Kalau dilihat kepada mesej di atas, ternyata semua ayat yang ditulis oleh pensyarah berkenaan disampaikan dalam satu perenggan panjang. Ayat-ayat ini nampak terlalu 'padat' dan 'penuh' sekiranya dibaca dengan menggunakan skrin telefon pintar yang kecil itu. Apa salahnya sekiranya ayat-ayat dalam perenggan yang panjang itu dipisahkan menggunakan teknik jeda nafas? Mari kita chunk (potong) ayat-ayat tersebut menjadi perenggan-perenggan lebih pendek, seperti berikut:

> *Assalamualaikum WBT.*
>
> *Minta perhatian semua students.*
>
> *Pada minggu depan, seperti yang tertera pada course information kursus ini, kamu semua akan menduduki satu ujian bertulis berkaitan beberapa chapters yang kamu dah pelajari sejak dari Week 1 sehingga Week 6.*
>
> *Seperti yang telah dimaklumi, kamu tidak dibenarkan membawa sebarang nota atau buku teks kamu semasa ujian berlangsung.*
>
> *Sesiapa yang ditangkap kerana membawa nota rujukan semasa ujian akan dikenakan tindakan tatatertib.*
>
> *Ini adalah assessment penting yang kamu perlu duduki.*
>
> *Jangan kata kamu tak bersedia sebab saya dah maklumkan lebih awal dan memang dah tertera dalam course information.*
>
> *Saya tahu kamu semua busy dengan assessments untuk kod kursus lain.*
>
> *Tapi kamu juga perlu bersedia untuk ujian kod kursus saya sepertimana hak pensyarah-pensyarah lain juga.*
>
> *Time management is tremendously important!*
>
> (125 patah perkataan)

Jika dibandingkan dengan mesej notifikasi dalam perenggan panjang, mesej yang dipotong-potong ayatnya itu kepada perenggan-perenggan yang lebih pendek dan berselang itu agak 'melegakan' dan 'kurang stress' walaupun kedua-dua mesej tersebut sama sahaja jumlah patah perkataannya. Selain itu, pemotongan atau pembahagian perenggan kepada ayat-ayat yang lebih pendek juga adalah mengikut tema atau isi kandungan menurut maklumat tertentu. Walaupun mesej yang dipotong-potong itu kelihatan lebih mengambil ruang, ia 'melegakan' si pembacanya. Mesej tersebut tidak kelihatan terlalu jammed packed dengan informasi. Ia senang dibaca. Ia tidak nampak berserabut. Ia ada banyak ruang kosong. Mengapa? Kerana ia mengikut jeda nafas manusia.

Selain mengaplikasikan teknik jeda nafas ini semasa menulis mesej notifikasi kepada pelajar, teknik ini juga boleh dipraktikkan dalam penulisan anda di media sosial, iklan, dan sebagainya. Ini kerana penulisan menggunakan teknik jeda nafas memberi 'isyarat' kepada pembaca bahawa penulisan anda tidak terlampau 'sendat' dan 'padat' dengan maklumat. Ia juga memberitahu pembaca anda bahawa anda memberikan 'ruang' kepada mata mereka untuk membaca mesej anda. Secara psikologinya, ia juga memberi idea kepada pembaca anda bahawa mesej anda tidak 'merimaskan' atau 'memenatkan' kerana terdapat jarak antara satu ayat dengan ayat yang lain, atau satu perenggan pendek dengan perenggan pendek yang lain. Selain itu, pembaca juga akan perasan bahawa kadar baris untuk sesuatu perenggan juga secara relatifnya pendek, iaitu tidak melebihi tiga baris. Kajian pakar copywriting seperti Aqif Azizan, pengasas akademi copywriting bernama WritetoWealth, juga menyatakan bahawa penulisan dalam media sosial yang menggunakan jeda nafas mempunyai peluang yang lebih cerah untuk dibaca oleh followers, mendapat tanda suka dan komen, dan tidak diskrol naik ke atas dalam lingkungan beberapa saat (salah satu tanda penolakan oleh followers) seperti kebanyakan penulisan yang panjang menggunakan perenggan yang terlalu padat dengan maklumat.

Sebagai kesimpulannya, penulisan mesej menggunakan peranti mudah alih adalah salah satu wadah komunikasi antara pensyarah dan pelajar. Teknik ini amat berguna dalam banyak penulisan notifikasi termasuklah ayat-ayat jualan yang digunakan oleh online marketers, penulisan kapsyen oleh pengguna-pengguna media sosial, dan karangan emel rasmi untuk urusan tertentu. Menggunakan teknik ini boleh memberikan kesan yang lebih mendalam kepada pembaca berbanding penulisan dalam bentuk perenggan panjang. Oleh itu, teknik jeda nafas ini sangat disyorkan berikutan ia selari dengan fisiologi sistem pernafasan seseorang manusia itu sendiri dan pengalaman membaca untuk mendapatkan maklumat.

...

Rujukan:

https://kamusbm.com/nafas/

https://kamusbm.com/jeda/

Write To Wealth (2010). Kelas penulisan copy writing: *Teknik jeda nafas oleh Aqif Azizan*.

eISSN 2600-9811

eISSN 2600-9811

Dulu-Dulu...

Oleh:
FATHIYAH ISMAIL[1]
NUR SYIKRI HARUN[2]
[1]Fakulti Pengurusan dan Perniagaan
[2]Akademi Pengajian Bahasa
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu
**Emel koresponden: fathi260@uitm.edu.my*

Kaedah kita dibesarkan boleh dikatakan berbeza antara satu sama lain. Walaupun mungkin ada sedikit sebanyak persamaan, lain ibu dan ayah, maka lainlah juga kaedahnya. Aku sendiri masih bergelut sebenarnya, antara menggunakan kaedah lama dan memodenkan praktis dulu-dulu supaya bersesuaian dengan anak-anak zaman sekarang. Namun begitu, banyak kisah yang masih kekal di ingatanku. Maka aku terpanggil untuk coretkan dan kongsikan di sini.

Photo by Mathias Reding on Unsplash

eISSN 2600-9811

"***Tinggalkan baldi tu untuk nenek***".
Kisah ini abang sulungku pernah kongsikan satu ketika dahulu. Seusai mengerjakan sawah di Simpang Empat, Alor Setar, arwah ayah dan abang singgah ke rumah arwah nenek sebelah emak. Mereka bertanya khabar dan belikan barang-barang keperluan nenek. Biasalah, lepas ke sawah, banyaklah peralatan diangkut sekali. Antaranya baldi baharu yang ayah beli untuk mengisi baja. Semasa hendak bersiap balik, nenek bertanya kepada ayah, "*Kat mana ceq beli baldi tu Ismail? Elok mak tengok*". "*Kat kedai Cina Tanah Merah, mak*", jawab ayah. Sejurus selepas tu, ayah terus berpesan kepada abang, tinggalkan Sahaja baldi itu untuk nenek. Namun, abangku kehairanan. Dalam hatinya berkata, kan ayah baru saja maklumkan kedai mana untuk nenek beli nanti. Kata ayah, "*Bila nenek dah bertanya tu, maknanya nenek berkenan la tu. Hadiahkan saja. Boleh saja kita singgah beli yang baru nanti*". Terdiam abangku. "*Hidup jangan berkira*", kata ayah. "*Lebih-lebih lagi dengan ibu bapa*", ujarnya lagi. Selain itu, antara yang aku pernah perasan sepanjang aku adalah setiap kali abang chik (abang kedua) aku memakai baju abang Mad (abang bongsuku), maka haruslah abang Mad tak akan ambil semula baju itu. Diberinya terus kepada abang Chik. Sangkanya kalau abang Chik suka, maka ambil sahajalah. Benar, duit boleh dicari. Ini kerana menghadiahkan sesuatu meskipun kecil boleh menyemai kasih-sayang dan ingatan berpanjangan.

"***Peluk abang, kakak dan adik. Sayang pipi tu…***".
Ayah akan selalu berpesan, setiap kali nak berpisah atau kami adik-beradik mahu ke mana-mana, jangan lupa memeluk satu sama lain. Jangan lupa kucup pipi atau dahi adik-adik. Bagi orang Kedah, kucup atau cium pipi itu disebut sayang ("*sayang pipi*"). Masih terngiang-ngiang di telinga suara ayah, "*Haaa…salam abang, salam kakak, jangan lupa peluk dan sayang pipi adik*". Kenapa ayah sentiasa pesan macam tu? Rupa-rupanya, kaedah itu mengeratkan hubungan, terasa sentiasa ada dan dekat di jiwa.

"***Fikri, esok naik bas. Hantar duit kat adik di asrama***".
Pagi-pagi lagi abang Chik dah bersiap sebab malam tadi ayah dah pesan, esok jangan lupa ke Sungai Petani untuk tolong hantarkan duit belanja sama ada kepada abang Mad atau mungkin kepada kak Chik di asrama. Kenapa ayah tak pergi sendiri? Kan senang kalau ayah naik motor. Cepat sikit sampainya. Kalau abang Chik naik bas, mahu dua-tiga kali kena tukar bas baru sampai. Tetapi itu lagi satu kaedah yang ayah pakai untuk mendidik anak-anak. Masih teringat lagi kak Chik pernah bercerita. Sebaik sahaja ternampak abang Chik menunggu di pondok wakaf di tepi asrama, terus kak Chik berlari dan memeluk abang Chik kuat-kuat. Jauh abang Chik berjalan dari hentian bas ke kawasan sekolah. Berpeluh-peluh tukar bas dan jalan kaki semata-mata untuk hantar duit belanja untuk adik-adik.

Pernah juga abang Chik tunggu lama sebab abang Mad keluar outing di hujung minggu bersama kawan-kawan. Yelah… Tidak terjangka yang abang Chik akan datang. Zaman tak ada telefon. Bergenang juga air mata abang Mad tengok abang Chik berjam-jam menunggu di bawah pondok menunggu.

Apabila dikenang semula, semua itu pengikat kasih-sayang. Kisah seorang ayah yang secara halus dan dalam diam menyemai ikatan. Ikatan yang perlu dijaga supaya kekal terjalin meskipun ayah sudah tiada suatu hari nanti. Semoga apa yang disemai semasa kecil akan sentiasa dipegang dan dibawa sehingga ke hari tua.

…

Photo by Dmitry Mishin on Unsplash

eISSN 2600-9811

eISSN 2600-9811
eISSN 2600-9811

Hati Emas

Oleh:
FATHIYAH ISMAIL[1]
NUR SYIKRI HARUN[2]
NAJAH LUKMAN[1]
[1]Fakulti Pengurusan dan Perniagaan
[2]Akademi Pengajian Bahasa
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu
Emel Koresponden: fathi260@uitm.edu.my

Jika dalam isu yang lepas, saya telah mengulas lagu Seroja dendangan Dato' Jamal Abdillah, namun pada kali ini saya terpanggil untuk menelusuri makna tersirat di sebalik bait-bait kata yang dilontarkan dalam lagu Hati Emas, iaitu sebuah karya seniman yang tidak asing lagi, Dato M. Nasir. Lagu ini telah diterbitkan pada 1981 dan dicipta dan ditulis sepenuhnya oleh Dato' M. Nasir sendiri. Pada saya, karya-karya Dato' M. Nasir memerlukan kita berfikir di luar kotak. Boleh dikatakan semua lirik lagu karya Dato' M. Nasir bukan ditulis secara biasa-biasa. Jarang sekali bait-bait kata yang dilontarkan dinyatakan secara tersurat. Kebanyakannya mengandungi maksud yang tersirat.

Dalam kosa kata Bahasa Melayu, Hati Emas itu merupakan salah satu peribahasa orang Melayu yang membawa maksud orang yang sangat baik hati. Orang yang bersifat pemurah, sabar, mesra, tidak mudah kecil hati, dan tidak suka mengecilkan hati orang lain itu dikatakan orang yang berhati emas. Dalam kontek seorang mukmin pula, dengan mengenali tingkat kesucian iman dan hati, Hati Emas merujuk kepada hati yang sejahtera ataupun hati yang telah kembali kepada fitrah asal yang tidak mempunyai titik noda dan dosa. Adakah mengembalikan hati yang penuh dengan titik hitam kepada hati yang suci dan bersih itu satu perkara yang mustahil? Benar, ia susah, namun tidak mustahil dilakukan. Ada kaedah dan caranya. Dato' M. Nasir seolah-olah menyimpulkannya dalam lagu Hati Emas ini. Bermula dengan liku-liku hidup seorang hamba kepada kaedah untuk kembali kepada hati yang sejahtera. Mari kita rungkaikan satu-persatu.

Berjalan di tanah gersang, mentari mencengkam dada, debu-debu di jalanan, menjadi teman setia. Rangkap ini menceritakan perjalanan mencari jalan pulang kepada hati yang '*Kamilah*' (sempurna) atau sejahtera laksana menempuh perjalanan di musim kemarau, panas, kering, serta kontang dan keadaan ini adalah sangat sukar. Ditambah pula dengan hati yang kini sudah terpalit dan tercorak dengan titik-titik hitam ('debu-debu di jalanan') dek kerana dosa-dosa yang

Photo by Marek Studzinski on Unsplash

telah sebati dalam jiwa dan menjadi teman seperjalanan yang setia, menjadikan laluan untuk menyucikan hati menjadi bertambah mencabar.

Tiada lain tujuanku, hati emas yang ku cari, kisahnya di hujung dunia, mengapa tak ku temui. Bagi manusia yang dikurniakan hidayah, meskipun perjalanan mengembalikan fitrah hati itu adalah payah, namun niat dan keazaman pasti akan ada. Akan tetapi, jika tidak kena kaedahnya, akan lebih sukar hendak kembali kepada fitrah sebenar walaupun pelbagai kaedah telah dicari dan dicuba, kendatipun mungkin telah merantau ke seantero dunia.

Oh, terdengar suara halus! Bagai dengar dan menghilang. Katanya pulanglah oh anakku, ia tiada di sini. Dalam bait-bait kata pada rangkap ini, Dato' M. Nasir cuba menjelaskan bahawa sepanjang perjalanan untuk menyucikan hati dan jiwa ini, pasti akan ada bisikan-bisikan kecil yang akan mengatakan bahawa hati kita yang sedia ada ini adalah hati yang sudah cantik dan suci. Tidak perlu diubati lagi. Itu normal pada saya. Tetapi kita tidak sedar sebenarnya bahawa kita semua mempunyai hati yang sakit. Sakit yang tidak terasa sakitnya, sebab itu kita tidak sedar. Secara ringkasnya, dalam Islam, terdapat empat penyakit hati yang secara tidak sedar terbentuk, iaitu *Riak*, *U'jub*, *Takabbur*, dan *Sum'ah*. Keempat-empat penyakit inilah yang menutup dan menyelaputi hati sehingga fitrah asalnya yang suci sudah hilang. Hak hati yang suci dan bersih sebagai raja yang bertakhta yang sepatutnya menjadi nakhoda yang membawa kita ke jalan yang diredai Allah kini telah diambil alih oleh empat penyakit ini, menjadikan perjalanan kita tersasar daripada laluan sebenar.

Kembara, puas sudah ku mengembara. Ke mana perginya oh cahaya, mencari hati emas bukannya mudah. Di masa kini adakah kau peduli? Dato' M. Nasir mengatakan

Photo by freestocks on Unsplash

bahawa kadang-kala manusia boleh berputus asa dalam proses mendapatkan Hati Emas ini. Yelah! Kitakan manusia biasa. Cuma di zaman sekarang, ramai yang tidak sedar tentang peri pentingnya mengembalikan fitrah hati. Ramai yang tidak sedar bahawa memiliki Hati Emas itu penting kerana itulah asal-usulnya keadaan hati kita, suci murni tanpa noda-noda dan titik-titik hitam. Akan tetapi, disebabkan penyakit hati yang menyelaputi, kita sudah tidak rasa ada keperluan untuk mencari Hati Emas yang hilang. Dapat dilihat dengan jelas dalam kalangan kita yang sering merasakan diri sudah baik dan telah melaksanakan amal soleh, dan yang paling bermasalahnya adalah apabila kita tidak rasa segan-silu untuk mewar-warkan tentang kebaikan yang dibuat. Tetapi mereka yang benar-benar berhati emas akan menyembunyikan kebaikan. Jadi, tidak hairanlah jikalau Dato' M. Nasir bertanya "*Adakah kau peduli?*" tentang perlunya memiliki Hati Emas. Ini kerana pada sangkaan kita, kita sudah baik dan 'berhati emas'.

Mungkinkah dikau miliki, hati emas murni suci. Inginku menjadi sahabatmu, hingga akhir hayat nanti. Apa yang ditekankan adalah mendampingi mereka yang telah memiliki Hati Emas. Maka kita wajarlah bersahabat dan mendampingi mereka yang sudahpun berada di jalan menuju reda Allah kerana dalam kalangan kita, mungkin ada yang sudah temui tahap hati yang '*Mutmainnah*' menuju '*Kamilah*'. Ini jelas dinyatakan di dalam Surah al-Kahfi ayat 17:

وَمَنْ يُضْلِلْ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُّرْشِدًا

Bermaksud:

> *"Dan barangsiapa disesatkan-Nya, maka engkau tidak akan mendapatkan seorang penolong (Guru Mursyid) yang dapat memberi petunjuk kepadanya*".

Oleh itu, marilah kita panjatkan doa setiap hari semoga kita sentiasa dikurniakan hidayah dan petunjuk dan semoga Allah takdirkan kita agar bertemu dengan seorang guru yang dapat memimpin kita menuju Hati Emas dan reda Allah. Pernah seorang ahli sufi melontarkan kata-kata bahawa "*tidak akan ada orang yang dapat mengenal Allah tanpa berguru*".

Adakah betul huraian yang saya buat terhadap lagu ini? Oh! Saya tidak boleh dengan yakin menyatakan bahawa intepretasi saya ini adalah betul dan benar. Intepretasi kita barangkali jauh berbeza. Namun, jika ulasan yang saya buat ini membawa makna yang sama, maka semoga ia menjadi manfaat dan menggerakkan hati kita semua untuk sama-sama menuju Hati Emas. Allahumma Amin!

...

eISSN 2600-9811
eISSN 2600-9811

A STORY OF A HAMMER AND A NAIL

A hammer; Who doesn't know what a hammer is?
A nail; Who couldn't picture it in mind?
They're tools that build many things
A symbol for constructions
Is true for colonialism in disguise

For many
One tool plays victim
Another tool is assailant by design
The strong dominates the weak
That's a so-called life…

But I think and contemplate
There's a purpose and reason behind the curtain
Like a friend helping a friend
Or upper teeth and lower teeth
Cutting, grinding, and chewing food

Can you see a house roof?
There's a triangular shape and roofing design
Inward slope with upper and lower points
They're helping each other
Protecting us from strong wind, rain, and unbearable heat

Can you see a pride of lions?
With sharp teeth and claws
Ripping fresh wild carcasses
But they're just agents
Maintaining the balance of the ecosystem

Can you see a colony of ants?
Millions of small entities crawling on dirt and lines of roots
Foraging for tiny food and light substance
For the dwellers of the nest underground
They know what they do to live through

Being a king on a noble throne ruling a sovereign land
Or being a slave kept in bondage for life
Is like a story of a hammer and a nail
No matter what tool you're
What your purpose's that counts

By:
NUR SYIKRI HARUN[1]
FATHIYAH ISMAIL[2]
[1]Academy of Language Studies
[2]Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu
**Corresponding Email: nursyikri@uitm.edu.my*


Photo by Anne Nygard on Unsplash

eISSN 2600-9811

GULA PRAI DAN KUASA MONOPOLI

Noorazlina Ahmad | Fakulti Pengurusan dan Perniagaan | UiTM Cawangan Terengganu

Terletak di pantai barat laut Semenanjung Malaysia, MSM Prai Berhad mengendalikan kilang penapisan gula Prai di Pulau Pinang. Ianya merupakan kilang penapisan gula terbesar di Malaysia dengan kapasiti pengeluaran tahunan sebanyak 960,000 tan gula bertapis. Sebagai pengeluar gula terkemuka di Malaysia, MSM menghasilkan rangkaian produk gula yang pelbagai, tersedia dalam pelbagai gred dan saiz pembungkusan, berkualiti premium, memperolehi sijil halal dan dikategorikan sebagai memonopoli keseluruhan pasaran.

Gula mempunyai rasa unik dan sifat fungsinya dapat mencabar untuk direplikasi dengan pengganti yang lain. Walaupun pemanis tiruan dan pemanis alternatif wujud, ia mungkin tidak memberikan rasa atau ciri yang tepat seperti yang dilakukan oleh gula. Oleh itu, pengguna mungkin kurang bersedia untuk beralih kepada barang pengganti (substitute good) walaupun harga gula meningkat. Akibatnya, pengguna kurang sensitif (inelastic demand) terhadap perubahan harga kerana mereka menganggap gula sebagai barang yang diperlukan dan alternatif yang ada mungkin tidak memenuhi keperluan atau pilihan mereka dengan secukupnya.

eISSN 2600-9811

Ini menjadikan pengguna kurang responsif terhadap perubahan harga gula atau disebut sebagai permintaan tidak anjal (inelastic demand), yang mana, pengguna akan tetap membeli barangan berkenaan walaupun harga yang ditawarkan lebih tinggi. Hal ini terjadi kerana barang berkenaan (gula) tidak ada barang pengganti tepat (close substitute).

Gula mempunyai rasa unik dan sifat fungsinya dapat mencabar untuk direplikasi dengan pengganti yang lain. Walaupun pemanis tiruan dan pemanis alternatif wujud, ia mungkin tidak memberikan rasa atau ciri yang tepat seperti yang dilakukan oleh gula. Oleh itu, pengguna mungkin kurang bersedia untuk beralih kepada barang pengganti (substitute good) walaupun harga gula meningkat. Akibatnya, pengguna kurang sensitif (inelastic demand) terhadap perubahan harga kerana mereka menganggap gula sebagai barang yang diperlukan dan alternatif yang ada mungkin tidak memenuhi keperluan atau pilihan mereka dengan secukupnya. Ini menjadikan pengguna kurang responsif terhadap perubahan harga gula atau disebut sebagai permintaan tidak anjal (inelastic demand), yang mana, pengguna akan tetap membeli barangan berkenaan walaupun harga yang ditawarkan lebih tinggi. Hal ini terjadi kerana barang berkenaan (gula) tidak ada barang pengganti tepat (close substitute).

Langkah bagi mengawal harga gula agak mencabar kerana ia dipengaruhi oleh pelbagai faktor, termasuklah dinamik penawaran dan permintaan, kos pengeluaran, keadaan cuaca, dasar kerajaan dan trend pasaran global. Kenaikan harga gula secara langsung akan memberi kesan kepada kenaikan harga barang lain yang menggunakan gula sebagai bahan pelengkap. Contohnya air minuman bergula, kuih muih, kek dan lain-lain. Mungkin telah sampai masanya untuk Malaysia memansuhkan kuasa monopoli gula yang ada sekarang kepada persaingan yang lebih sempurna bagi mengatasi masalah kenaikan harga gula pada masa akan datang.

Beberapa masalah yang biasa dikaitkan dengan isu monopoli:

Syarikat monopoli mempunyai keupayaan untuk menetapkan harga tanpa menghadapi persaingan yang ketara;

Syarikat monopoli sering menghadkan pilihan pengguna dengan menawarkan rangkaian produk atau perkhidmatan yang terhad, kurang inovasi dan kepelbagaian dalam pasaran;

Kurang motivasi untuk melabur dalam penyelidikan dan pembangunan atau memperkenalkan teknologi baharu kerana tidak perlu bersaing; dan

Syarikat monopoli lebih dominan dan sering mewujudkan halangan untuk kemasukan pesaing berpotensi dan menyukarkan perniagaan baharu untuk memasuki pasaran.

eISSN 2600-9811

Bagi mengawal harga gula, ianya memerlukan pendekatan yang komprehensif melibatkan pelbagai aspek, kerjasama antara pelbagai pihak berkepentingan dan pertimbangan kesan jangka pendek dan jangka panjang. Keadaan ekonomi dan pasaran, faktor serantau dan global juga perlu dinilai dengan teliti dalam membangunkan strategi kawalan harga yang berkesan.

Berikut ialah beberapa langkah yang berpotensi membantu dalam mengurus dan menstabilkan harga gula:

Menggalakkan dan menyokong pengeluaran gula dalam negeri bagi membantu mengurangkan pergantungan kepada gula import dan menstabilkan harga;
Menggalakkan penanaman dan pengeluaran pemanis alternatif atau pengganti gula supaya pengguna ada lebih banyak pilihan dan mengurangkan pergantungan kepada gula tradisional;
Mengawal spekulasi dalam pasaran komoditi; Mendidik pengguna tentang kesan penggunaan gula berlebihan yang berpotensi mempengaruhi tingkah laku pengguna; dan
Menggalakkan penyelidikan dan pembangunan teknologi dalam menambah baik amalan pertanian, hasil tanaman dan teknik pemprosesan gula yang mampu meningkatkan produktiviti, kecekapan serta mengurangkan kos pengeluaran.

Buat masa ini, sesetengah pasaraya dan kedai runcit menghadkan gula kepada 3 kg setiap pembelian dengan harga lama (pembungkusan lama). Dengan pembungkusan yang baharu nanti, semestinya harga gula yang baharu akan lebih tinggi diperkenalkan. Sudahkah rakyat Malaysia bersedia?

Perlu diambil perhatian bahawa walaupun gula memberikan faedah tertentu, penggunaan berlebihan boleh memberi kesan negatif kepada kesihatan kita. Banyak kajian yang dijalankan mengakui bahawa pengambilan gula tambahan secara berlebihan terutamanya dalam minuman yang diproses dan bergula menyumbang kepada masalah obesiti, diabetes, penyakit jantung dan masalah kesihatan lain. Oleh itu, adalah penting untuk mengambil gula secara sederhana dan memilih sumber yang lebih sihat seperti buah-buahan yang membekalkan gula semulajadi bersama-sama dengan nutrien dan serat penting.

Rujukan : https://www.msmsugar.com

eISSN 2600-9811

Turmeric and Coffee : The Surprising Ingredients for Generating Short-Pulsed Laser

Norizan Ahmed
School of Electrical Engineering, College of Engineering, UiTM Cawangan Terengganu


Image credit: istockphoto.com/14031857

Fiber lasers have emerged as a highly versatile and reliable technology, widely used across scientific, medical, and industrial domains. Compared to bulk lasers, they offer superior performance thanks to their compact and easy-to-use design, which eliminates the need for complicated alignment procedures. The pulsed operation of the fiber lasers is particularly beneficial as it allows for a significant boost in instantaneous power, enabling the driving of nonlinear optical processes and facilitating high-resolution, time-resolved applications.

Various methods are available for generating pulsed-laser emission, but passive mode-locking or Q-switching techniques utilising a saturable absorber (SA) are often preferred. The SAs are materials that display an intensity-dependent transmission, allowing for a wide range of pulse parameters to be accessed without needing complex and expensive electrically-driven modulators. There are two types of the SAs, known as the real SAs, which naturally exhibit a nonlinear decrease in absorption as light intensity increases, and the artificial SAs, which use nonlinear effects to simulate the behaviour of a real, saturable absorber.

Real saturable-absorber (SA) materials with one-dimensional (1D), two-dimensional (2D), and three-dimensional (3D) structures have emerged as promising devices exhibiting intensity-dependent absorption since 2000.

These developments have played a significant role in advancing next-generation photonics and optoelectronic technologies. Surprisingly, recent research has shown that environmentally friendly resources, such as coffee and turmeric, can also be used to generate laser light. For instance, Rusdi et al. (2020) have successfully demonstrated passively Q-switched pulse fiber lasers using a saturable absorber made from spent coffee grounds (SCG). The SCG powder has been purified and embedded with polyvinyl alcohol (PVA) to form a thin film, which has then been integrated into three different fiber-laser cavities, including ytterbium-doped (YDFL), erbium-doped (EDFL), and thulium-doped fiber lasers (TDFL), to realise a Q-switching operation. Al-Hiti et al. (2021) have reported a passively Q-switched EDFL at 1566.96 nm by applying an organic material based on turmeric as the SA. The material has also been prepared by embedding turmeric powder into a PVA film.

In summary, the use of natural materials, such as coffee and turmeric as the SA devices in fiber-laser systems, offers several advantages, including eco-friendliness, low cost, and ease of fabrication. These materials have shown an excellent performance in generating pulsed lasers at various wavelengths, making them suitable for various photonic applications. Future research in this area could explore other environmentally friendly materials that can be used as the SA, potentially leading to even more sustainable and cost-effective fiber-laser systems.

References:
M. F. M. Rusdi et al., "Generation of Q-switched fiber laser at 1.0-, 1.55- and 2.0-μm employing a spent coffee ground based saturable absorber," Opt. Fiber Technol., vol. 61, no. November 2020, p. 102434, 2021.
A. S. Al-Hiti, A. H. H. Al-Masoodi, W. R. Wong, M. Yasin, A. H. H. Al-Masoodi, and S. W. Harun, "Nanosecond passively Q-switched fiber laser in the 1.5 μm region using turmeric saturable absorber," Opt. Laser Technol., vol. 139, p. 106971, Jul. 2021.

Norizan Ahmed, School of Electrical Engineering, College of Engineering, UiTM Cawangan Terengganu, Kampus Dungun.

Enhancing Food Safety with SPR Biosensors

Food safety refers to measures and practices taken to ensure that food is free from harmful contaminants and pathogens, making it safe for human consumption. This includes everything from food production, processing, packaging, and storage to the handling and preparation of food by consumers. The goal of food safety is to identify and control potential hazards such as bacteria, viruses, chemicals, and physical hazards at every stage of the food supply chain to minimize the risk of foodborne illness and protect public health.

The utilization of SPR biosensors in food analysis has significant potential for enhancing food safety. These sensors have the capability to detect a broad spectrum of analytes, such as proteins, peptides, antibodies, toxins, and bacteria, with high accuracy and sensitivity. This real-time identification of potential contaminants and pathogens in food samples allows for prompt and appropriate measures to prevent outbreaks of foodborne diseases. For example, SPR biosensors can detect the presence of food allergens such as gluten or peanuts in food products, helping prevent allergic reactions in susceptible individuals. SPR biosensors can also monitor food quality and safety throughout the entire food supply chain, from farm to table. For instance, they can detect pesticide residues in crops, monitor the freshness of seafood, and detect bacterial contamination in meat and dairy products.

An SPR biosensor typically comprises two main components: an optical system that excites and interrogates surface plasmons and a biomolecular recognition element that is immobilized on a metal layer and used to capture and identify target analytes in a sample, as shown in Figure 1. When a food sample is introduced to the biosensor, any analytes present in the sample that bind to the recognition element cause a change in the refractive index of the metal layer, which is detected through the shift in the SPR signal. This shift is proportional to the amount of bound analyte, allowing for the precise quantification of contaminants or pathogens and the determination of binding kinetics, specificity, affinity, and concentration of biomolecules in the food sample. The change in refractive index is caused by variations in mass and chemical reactions occurring on the sensor surface during the binding event. The binding rate gradually decreases until the association and dissociation processes reach equilibrium. Additionally, the surface temperature can affect the refractive index.

In summary, SPR is a powerful label-free, highly sensitive, and real-time technique for studying the interaction between biological molecules on the surface of a sensor. It has various applications, including the detection of adulteration, biomolecules such as proteins, carbohydrates, vitamins, antioxidants, and nucleic acids, as well as in the detection of genetically modified foods, microorganisms, and more (Ravindran et al., 2023). The continued development of SPR biosensors with improved sensitivity and selectivity will likely expand their application in the future.



Figure 1. The basic experimental setup of an SPR biosensor (Zhao et al., 2020)

References:
Ravindran, N., Kumar, S., M, Y., S, R., C A, M., Thirunavookarasu S, N., & C K, S. (2023). Recent advances in Surface Plasmon Resonance (SPR) biosensors for food analysis: a review. Critical Reviews in Food Science and Nutrition, 63(8), 1055–1077. https://doi.org/10.1080/10408398.2021.1958745
Zhao, Y., Gan, S., Wu, L., Zhu, J., Xiang, Y., & Dai, X. (2020). GeSe nanosheets modified surface plasmon resonance sensors for enhancing sensitivity. Nanophotonics, 9(2), 327–336. https://doi.org/10.1515/nanoph-2019-0170

RARE EARTH ELEMENTS (REES) 101 :

Faizatul Akmam Binti Amirrudin
Faculty of Business and Management, UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Alam
Nik Noor Afizah Azlan
Faculty of Business and Management, UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun

WHAT IS REE ?

RARE EARTH ELEMENTS (REE)

Rare Earth Elements (REEs), a set of seventeen chemically similar but unique elements, have emerged as critical components in modern technology, industry, and scientific advancement. These elements, which are found in the bottom two rows of the periodic table, possess unique electronic, magnetic and optical properties that make them important in a variety of applications.

RARE EARTHS ARE CATEGORISED INTO LIGHT ELEMENTS (LANTHANUM TO SAMARIUM) AND HEAVY ELEMENTS (EUROPIUM TO LUTETIUM). THE LATTER ARE LESS COMMON AND CONSEQUENTLY MORE EXPENSIVE.

eISSN 2600-9811

Rare earth elements are quite prevalent in the planet's crust, with cerium ranking 25th at 68 parts per million. This makes it as plentiful as copper (Lynas rare earth, n.d.). Despite their name, rare earth elements are not particularly rare in occurrence; rather, their dispersion and extraction difficulties have contributed to their classification as "rare." Chemically, rare earths are strong reducing agents. Their compounds are generally ionic and they display high melting and boiling points. Rare earths are relatively soft when in their metallic state while those with a higher atomic number tend to be harder. Rare earths react with other metallic and non-metallic elements to form compounds each of which has specific chemical behaviours. This makes them indispensable and non-replaceable in many electronic, optical, magnetic, and catalytic applications. Rare earth compounds are commonly fluorescent under ultraviolet light, which can assist in their identification. Rare earths also react with water or diluted acid to produce hydrogen gas (Lynas rare earth, n.d.).

Rare earth elements (REEs) have grown in importance over the last decade as consumer electronics, electric vehicles, clean energy, and military equipment have grown in popularity. To accomplish advanced technological advancement, the development of REEs as a strategic mineral in modern society (MIDA, n.d,). This group of elements is used in the production of everything from smartphones and electric vehicles to renewable energy systems and advanced medical devices. As we delve deeper into the multifaceted world of rare earth elements, we uncover their significance in shaping the modern world and driving innovation across numerous sectors.

WHAT ARE REES USED FOR?

Rare Earth Elements (REEs) find application in a diverse range of industries and technologies due to their unique properties. REEs are widely used for a variety of purposes, including:

eISSN 2600-9811

ELECTRONICS AND TELECOMMUNICATION

REEs are essential for the production of various electronic devices, including smartphones, tablets, laptops, and flat-screen displays. They are used in the production of phosphors for LED screens, as well as in the magnets and electric motors found in devices like hard drives and headphones.

CLEAN ENERGY TECHNOLOGIES

REEs play a critical role in renewable energy technologies. Neodymium and dysprosium, for example, are used in the production of high-performance magnets for wind turbines and electric vehicle (EV) motors. REEs are also used in rechargeable batteries for hybrid and electric vehicles.

CATALYSTS AND CHEMICAL PROCESSES

REEs are used as catalysts in various chemical reactions, particularly in petroleum refining and environmental applications. Cerium is used in catalytic converters in vehicles to reduce emissions.

MEDICAL EQUIPMENT

Some REEs are utilized in medical imaging equipment, such as MRI machines. Gadolinium-based contrast agents are used to enhance the visibility of specific tissues during MRI scans.

CONSUMER ELECTRONICS

EEs are found in various consumer electronics, including speakers, microphones, and headphones, due to their ability to generate high-quality sound.

DEFENSE AND AEROSPACE

REEs are integral to the production of advanced defense technologies, including missile guidance systems, radar systems, and night vision equipment. They are also used in aerospace components due to their lightweight and high-strength properties.

LASER TECHNOLOGY

Neodymium-doped lasers are used in various applications, including laser engraving, laser cutting, and medical lasers for surgical procedures.

GLASS AND CERAMICS

Cerium is used in glass polishing, and yttrium is used in the production of high-temperature ceramics for applications like jet engines

NUCLEAR ENERGY

Some REEs have uses in nuclear reactors and fuel cells, contributing to the efficiency and safety of these technologies.

AUTOMOTIVE INDUSTRY

Apart from EVs, REEs are used in conventional vehicles as well. They are used in sensors, catalytic converters, and ignition systems.

WATER TREATMENT

Cerium and lanthanum are used in water treatment processes to remove impurities and purify drinking water.

PRECISION INSTRUMENTS

Some rare earth elements are used in precision instruments like atomic clocks and GPS devices.

eISSN 2600-9811

WHERE ARE REE FOUND?

The first rare earth was discovered in 1787 in a Swedish village (Lynas rare earth, n.d.)

Rare earth elements are abundant all over the planet. Even our own backyards may contain trace amounts of rare earths, possibly a few parts per million. Although the rarest rare earth is nearly 200 times more abundant than gold, these oxidised minerals are considered to be rare because most deposits are of very low quality and concentration, making them uneconomical to mine (Lynas rare, n.d.). According to the USGS Rare Earths Report, the principal economic sources of rare earths are the minerals bastnasite, monazite, and loparite and the lateritic ion-adsorption clays.

The elements range in crustal abundance from cerium, the 25th most abundant element of the 78 common elements in the Earth's crust at 60 parts per million, to thulium and lutetium, the least abundant rare-earth elements at about 0.5 part per million. Rare earth minerals are currently produced in seven countries and regions, including China, Russia, the United States, Australia, India, Brazil, and Malaysia. Lanthanum and cerium accounted for approximately 60% of global rare earth use in 2012, followed by neodymium, yttrium, and praseodymium. The first rare earth was discovered in 1787 in a Swedish village (Lynas rare earth, n.d.)

China remains the world's greatest producer of rare earths. Inner Mongolia and Sichuan are the most important provinces for Chinese production. In 2022, the United States was the world's second-largest producer of rare earth elements, with 43,000 metric tonnes of bastnäsite mineral concentrates in rare earth oxide equivalent and 250 metric tonnes of rare earth compounds and metals produced. Nonetheless, the United States is a major importer of rare earths. As of 2021, China accounted for over three-quarters of all US rare earth imports, with the remainder coming from Malaysia, Estonia, Japan, and other countries (Garside,2023)

CONCLUSION

Rare Earth Elements (REEs) play an important role in modern society, enabling different technological advances and breakthroughs. These elements are required in the manufacture of electronics, renewable energy technologies, defence systems, and a variety of other uses. The global demand for rare earth elements (REEs) is increasing as our reliance on high-tech products and renewable energy sources grows. This demand, combined with current supply dynamics and increased public sector assistance, has the potential to benefit companies across the entire REE value chain.



References

Garside, M. (2023, August 30). Rare earth elements - statistics & facts. https://www.statista.com/topics/1744/rare-earth-elements/#topicOverview

Lessard, M. (2020, January 28) Where are rare elements found? https://www.thermofisher.com/blog/mining/where-are-rare-earth-elements-found/

Lynas Rare Earth. (n.d.). Rare earths are a group of chemical elements with unique magnetic, luminescent, and electrochemical properties. https://lynasrareearths.com/products/

MIDA (n.d.). Gearing Malaysia as a rare earth elements (REEs) powerhouse. https://www.mida.gov.my/gearing-malaysia-as-a-rare-earth-elements-rees-powerhouse/

Ruid, M. (2023, July 13) Rare earth elements, explained. https://www.globalxetfs.com/rare-earth-elements-explained/

USGS (n.d.). Rare earths statistics and information. https://www.usgs.gov/centers/national-minerals-information-center/rare-earths-statistics-and-information

World Population Review (n.d.). Rare-earth reserves by country/rare earth metals by country 2023. https://worldpopulationreview.com/country-rankings/rare-earth-reserves-by-country

NOORAZLINA AHMAD
Faculty of Business and Management, UiTM Cawangan Terengganu

KODAK'S FAILURE IN INNOVATION

THE FIRST DIGITAL IMAGING TECHNIQUE 1970

Wedang secang is a traditional Indonesian drink made from secang wood, ginger, brown sugar, and various other ingredients such as pandan leaves or lemongrass. This beverage has a unique and distinct flavor and offers several potential health benefits. The famous Wedang secang from Jogja has a fragrant aroma and the taste of spices is warm in the throat.

According to Keskin and Güneş (2021) traditional drinks, similar to food, have many varieties and benefits. Here is an experience of enjoying wedang secang and some of its potential benefits:

Unique Flavor: Wedang secang has a unique and distinctive flavor derived from secang wood, ginger, and brown sugar. It has a sweet, spicy, and warming taste, making it suitable for consumption in cold weather or when you're feeling under the weather.

Improved Digestive Health: The ginger in wedang secang can help improve digestion. Ginger has anti-inflammatory properties and can help alleviate digestive issues like bloating or nausea.

Warming Sensation: The combination of ginger and secang in wedang secang can help provide a warming sensation, especially when you're feeling cold or shivery. This beverage can help you feel warm from the inside out.

Antioxidant Benefits: Brown sugar and some of the additional ingredients in wedang secang may contain antioxidant compounds, which can help combat cell damage caused by free radicals in the body.

Mental Refreshment: Wedang secang can also help refresh your mind and provide a sense of relaxation. It can be a soothing beverage to enjoy after a long day or when you're feeling stressed.

Warming the Body: The primary benefit of wedang secang is its ability to warm the body. It is a highly popular drink in Indonesia, particularly in regions with colder climates. Drinking wedang secang is a delightful experience, and it's quite simple to prepare and enjoy. Here are the steps to make and drink wedang secang:

eISSN 2600-9811

Ingredients:
2-3 secang wood chips (or as per your preference)
1-2 slices of ginger
1-2 pandan leaves (optional)
1-2 lemongrass stalks (optional)
Brown sugar or palm sugar (gula merah) to taste
Water

Instructions:
- Prepare the Ingredients: Start by gathering all the ingredients you'll need. You can find secang wood chips, ginger, pandan leaves, and lemongrass at most Asian grocery stores.
- Boil Water: In a pot, bring water to a boil. The amount of water you use will depend on how many servings you want to make. Typically, you can use about 2-3 cups of water for 2-3 servings.
- Add Secang Wood: Once the water is boiling, add the secang wood chips. Allow them to simmer in the boiling water for about 5-10 minutes. This will infuse the water with the secang flavor and give it a reddish hue.
- Add Ginger: After the secang has simmered for a while, add the slices of ginger to the pot. Ginger will add a spicy and aromatic element to the wedang secang.
- Add Pandan Leaves and Lemongrass (Optional): If you have pandan leaves and lemongrass, you can add them at this stage to enhance the flavor. They will impart a fragrant and herbal note to the drink. If you choose to add them, bruise the pandan leaves and lemongrass slightly to release their flavours.
- Sweeten with Sugar: Add brown sugar or palm sugar to taste. The amount of sugar you add is a matter of personal preference, so you can adjust it to make the drink as sweet as you like.
- Simmer: Let the mixture simmer for another 5-10 minutes to allow all the flavors to meld together. Keep an eye on the sweetness level and adjust it if needed.
- Strain and Serve: Once the wedang secang is ready, strain it into cups or glasses to remove the solid ingredients. The resulting liquid should have a reddish-brown color and a delightful aroma.
- Enjoy: Sip the warm wedang secang slowly and savor its unique and soothing flavours. It's perfect for warming up on a chilly day or for relaxation.

Remember that you can adjust the ingredients and their quantities to suit your taste preferences. Some people like their wedang secang to be stronger in secang flavour, while others prefer a more pronounced ginger or sweet taste. Enjoy your wedang secang!

However, it's important to note that the effects and benefits of wedang secang can vary from person to person, and it should not be consumed in excess. Pay attention to the amount of sugar you add to this beverage, as excessive sugar intake can have negative health effects. If you have specific medical conditions or are unsure about how wedang secang may affect your body, it's advisable to consult with a nutritionist or healthcare professional.

REFERENCES
B. Keskin et al. (2021). Social and cultural aspects of traditional drinks: a review on traditional Turkish drinks. Int. J. Gastron. Food Sci.

"Remember that you can adjust the ingredients and their quantities to suit your taste preferences. Some people like their wedang secang to be stronger in secang flavour, while others prefer a more pronounced ginger or sweet taste."

Ketahui KHASIAT PETAI

Nor Hamiza Mohd Ghani
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan,
UiTM Cawangan Terengganu
Koresponden emel: norha825@uitm.edu.my

Bagi masyarakat Malaysia, petai bukanlah makanan asing kerana ianya merupakan makanan atau sayuran yang menjadi kegemaran seseorang. Petai yang dikenali sebagai "kacang busuk" atau "kacang pahit," ialah sejenis kacang yang boleh dimakan yang berasal daripada beberapa spesies pokok bernama Parkia, terutamanya Parkia speciosa. Petai merupakan sayuran yang biasanya di makan oleh penduduk di Asia Tenggara, khususnya Indonesia, Malaysia, Thailand dan Filipina (Orwa dkk, 2009). Petai memiliki nama yang berbeza di beberapa negara, misalnya "petai" di Indonesia dan Malaysia, "sataw" di Thailand, dan "nejirefusamame" di Jepun (Miyazawa, 2001). Makanan Asia Tenggara ini sering menggunakan kacang ini didalam hidangan kerana rasa dan baunya yang unik.

Petai mempunyai struktur dan bentuk yang berbeza. Kacang petai adalah sejenis buah yang panjang dan rata yang kelihatan seperti kacang hijau besar atau kacang pipih. Buah petai terdapat dalam deretan panjang dan nipis yang dikenali sebagai "papan". Setiap papan petai mempunyai sekitar 12 hingga 15 biji buah tersusun memanjang sepanjang buah tersebut. Bagi petai yang segar, ia mempunyai warna hijau terang yang menyerupai kacang hijau atau kekacang lain. Warnanya boleh berubah sedikit bergantung kepada beberapa perkara seperti kesegaran dan umur. Selain itu, papan kacang petai mempunyai tekstur yang licin dan sedikit berkilat. Petai yang segar mempunyai papan agak keras apabila disentuh, tetapi apabila dimasak, ianya menjadi lebih lembut.

Apabila kita melihat kacang petai, kita dapat membayangkan gabungan rasa pahit dan pedas yang unik. Selain itu, petai mempunyai bau yang kuat yang tidak menyenangkan bagi sesetengah orang. Apabila kacang dimasak atau dimakan, bau buah tersebut akan hilang. Aroma petai mungkin tidak menyenangkan bagi sesetengah orang, tetapi banyak khasiat yang diperolehi apabila kita memakan buah tersebut. Oleh kerana sifat petai yang mempunyai bau yang tidak menyenangkan dan unik, kacang ini dipanggil "kacang busuk." Walaupun begitu, bau tersebut tidak memudaratkan tetapi mungkin mendatangkan ketidakselesaan dan kurang keyakinan kepada seseorang individu.

Kacang petai biasanya digunakan dalam pelbagai masakan di Asia Tenggara, seperti masakan Indonesia, Malaysia, Thailand dan Filipina (Singhania, N., et.al (2020). Buah petai sering digoreng dengan bahan lain seperti udang, sambal (pes cili pedas), dan ikan bilis. Petai juga digunakan dalam kari, rebusan dan sup dan ia menambah rasa tersendiri pada hidangan tersebut. Petai juga boleh digunakan sebagai bahan dalam hidangan nasi, memberikan kelainan yang menarik dan rasa tambahan seperti hidangan nasi goreng ulam dimana petai dimasukkan ke dalam hidangan tersebut. Selain itu, kacang petai juga boleh digunakan dalam salad untuk memberikan rasa yang unik dan sedikit pahit.

Kacang petai juga dihidangkan sebagai ulam bersama hidangan utama dan ia menawarkan rasa yang berbeza untuk melengkapkan perisa lain. Di sesetengah tempat, kacang petai dijadikan sebagai snek yang rangup dan berperisa dengan menggoreng atau memanggang kacang petai terlebih dahulu. Kacang petai mempunyai aroma yang kuat dan unik, yang mungkin tidak menarik minat semua orang. Walau bagaimanapun, petai sangat dihargai oleh mereka yang menikmati rasa yang berbeza dan ada juga yang menjadikan petai sebagai makan ruji di sesetengah kawasan.

Kacang petai adalah sumber serat makanan yang baik yang memberi manfaat khususnya dari sudut kesihatan pencernaan. Serat membantu menjana pergerakan usus yang teratur, mengelak sembelit, dan menyumbang sistem penghadaman yang sihat. Serat pemakanan dalam kacang petai boleh membantu menstabilkan paras gula dalam darah dengan mengurangkan penyerapan gula dalam darah (Asikin, Y., et. al, 2018). Ini boleh membantu terutamanya mereka yang menghidap diabetes atau mempunyai risiko diabetes.

Selain itu, kacang petai juga menyediakan pelbagai nutrien penting seperti serat makanan, protein, vitamin dan mineral. Ia mengandungi mineral seperti zat besi, kalium, dan magnesium, serta vitamin seperti vitamin A, vitamin C, dan beberapa vitamin B (Singhania, N., et.al., 2020). Tambahan lagi, petai juga baik untuk kesihatan jantung, tulang dan tenaga, serta boleh membantu mengawal selera makan dan menguruskan berat badan. Malah, petai mempunyai banyak manfaat lain, termasuk kandungan antioksidan yang tinggi.(Mahardika C., (2013), & Fajrin, F. et,al. (2019)). Antioksidan yang tinggi mendorong atom hidrogen atau elektron untuk melekat pada radikal bebas. (Balaji K. et al., 2015). Ini kerana kandungan petai mempunyai bahan antikarsinogenik, menjadikan sesesiapa yang memakan petai mempunyai daya tahan yang bagus (Rianti, A., et.al (2018).

How, Y. K., & Siow, L. F. (2020) menyatakan bahawa petai juga mengandungi sejumlah besar bahan aktif yang boleh berfungsi sebagai anti-inflamasi dan antibakteria. Oleh itu, ia menjadikan petai berpotensi untuk digunakan dalam merawat pelbagai keadaan kesihatan. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh rasa dan aroma yang agak unik, tidak semua orang boleh menikmati atau memakannya. Kesederhanaan adalah sangat penting apabila kita memilih makanan. Jika kita mempunyai sebarang masalah kesihatan atau diet tertentu, kita seharusnya perlu meminta nasihat atau berunding dengan pakar pemakanan berdaftar atau pakar kesihatan.

Secara keseluruhannya, kacang petai adalah makanan yang unik dan istimewa dari segi budaya dalam masakan Asia Tenggara. Ianya dihargai kerana sifat semula jadinya yang mempunyai rasa yang berbeza dan khasiatnya kepada pelbagai hidangan. Kacang petai memberikan pengalaman masakan yang tidak dapat dilupakan jika anda ingin mencuba perisa baharu atau sekadar berminat untuk meneroka pelbagai masakan. Namun begitu, bagi penggemarnya, kacang petai ini sememangnya menjadi pilihan dalam hidangan disebabkan oleh kehadiran pelbagai nutrisi yang bermanfaat untuk kesihatan.

RUJUKAN

- Asikin, Y., Taira, E., & Wada, K. (2018). Alterations in the morphological, sugar composition, and volatile flavor properties of petai (Parkia speciosa Hassk.) seed during ripening. Food Research International, 106, 647-653.
- Balaji K, Devi T, Sikarwar MS, Fuloria S. (2015). Phytochemical analysis and in vitro antioxidant activity of Parkiaspeciosa. Int J Green Pharm, vol 9(4), 50.
- Fajrin, F. I., & Susila, I. (2019). Antioxidant Potential In Petai Peel (Parkia Speciosa). Jurnal Midpro, 11(2), 161-168.
- How, Y. K., & Siow, L. F. (2020). Effects of convection-, vacuum- and freeze-drying on antioxidant, physicochemical properties, functional properties and storage stability of stink bean (Parkia speciosa) powder. Journal of food science and technology, 57(12), 4637-4648.
- Mahardika C. (2013). Fraksionasi ekstra kulit petai berpotensi antioksidan. Laporan Penelitian: Institut Pertanian Bogor.
- Miyazawa M, Osman F. Headspace constituents of Parkia speciose seeds. Nat Prod Lett.2001;15(3):171–6.
- Orwa C, Jamnadass R, Kindt R, Mutua A, Simons A. Agroforestree database: a tree species reference and selection guide version 4.0. Vol. 1,
- Rianti, A., Parasih E., Novenia A. E., Christopher A., Lestari D. &Kiyat W. (2018). Potensiekstrakulitpetai (parkiaspeciosa) sebagaiantioksida n. Jurnal Dunia Gizi, Vol. 1(1): 10- 19.
- Singhania, N., Chhikara, N., Bishnoi, S., Garg, M. K., & Panghal, A. (2020). Bioactive Compounds of Petai Beans (Parkia speciosa Hassk.). Bioactive Compounds in Underutilized Vegetables and Legumes, 1-19.

Khasiat PANDAN Untuk Kesihatan

Nor Hamiza Mohd Ghani
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu
Emel koresponden: norha825@uitm.edu.my

Daun Pandan atau Pandanus amaryllifolius adalah tumbuhan semula jadi yang popular di Malaysia, Indonesia, Thailand dan negara-negara lain di Asia Tenggara (Jiang, 1999). Tumbuhan yang beraroma ini tidak asing bagi masyarakat kita kerana sering digunakan dalam kehidupan seharian. Ia biasanya digunakan dalam penyediaan makanan tradisional termasuk menjadi pelapik kepada makanan tersebut seperti nasi lemak, ayam kapitan, ayam pandan, lauk-pauk seperti daging, ayam atau ikan sebelum dipanggang atau di stim. Ia juga adalah komponen penting dalam manisan khususnya kuih tradisional seperti kuih pelita, kuih bakar pandan, kek, pau dan lain-lain. Malah ada juga minuman yang berasaskan perisa pandan seperti air sirap pandan, teh pandan bunga telang, air pandan selasih dan pelbagai lagi.

Bau dan rasa unik daun pandan yang tersendiri memberikan aroma yang sedap kepada makanan. Daun pandan paling banyak digunakan sebagai pes, serbuk atau dijadikan minyak pati. Kebanyakan orang tidak memakan daunnya secara langsung tetapi di gunakan dalam beberapa hidangan terpilih dengan mengisar daun tersebut. Jus pandan banyak digunakan dalam kebanyakan hidangan Melayu terutamanya dalam pembuatan kuih. Tumbuhan yang mempunyai banyak kegunaan ini menjadi kegemaran terutamanya surirumah untuk menanam di halaman sendiri. Selain digunakan di dalam masakan, daun pandan juga digunakan sebagai penyegar udara di dalam kereta mahupun di dalam bilik kerana sifatnya yang berbau wangi.

Khasiat daun pandan dalam bidang perubatan telah lama dikaji oleh para saintis dan penemuannya dalam sains moden lebih meluas. Antara faedah kesihatan yang diperolehi daripada penggunaan daun pandan adalah tumbuhan ini mempunyai beberapa vitamin, mineral, dan antioksidan penting yang diketahui membantu meningkatkan kesihatan individu. Sebagai contoh, pandan kaya dengan vitamin A iaitu sebatian penting untuk kesihatan mata serta membantu mencegah kanser. Daun pandan juga terbukti mempunyai kandungan flavonoid yang tinggi di mana ia adalah satu komponen anti-oksida yang kuat yang mampu menghalang penghasilan radikal bebas dalam tubuh manusia (Safitri, et.al, 2021). Komponen ini secara tidak langsung melindungi badan manusia daripada sebarang penyakit. Selain itu, komponen lain seperti Tannin juga dilaporkan mampu membantu dalam proses pembekuan darah, merendahkan tekanan darah serta membantu dalam meningkatkan imuniti badan (Bodeker & Shekar, 2009). Pandan ialah sumber vitamin dan antioksidan yang sangat baik yang membantu meningkatkan sistem imun dan mencegah keadaan seperti kanser, penyakit jantung dan diabetes (Ningtiyas, 2019).

Perubatan tradisional sangat menghargai kebaikan daun pandan kerana peranannya dalam melegakan kesakitan, terutamanya arthritis (radang sendi) atau sakit sendi. Penyelidik telah mendapati bahawa minyak yang diperbuat daripada ekstrak pandan kaya dengan fitokimia yang diketahui dapat melegakan gejala arthritis (Tan, et. al. ,2022). Tambahan lagi, manfaat yang diperoleh daripada penggunan daun pandan juga boleh membantu meredakan sakit kepala dan sakit telinga (Shameenii, et. al., 2021).

Terdapat beberapa kajian yang memberikan sokongan terhadap kebaikan daun pandan terhadap kesihatan jantung. Selain itu, daun pandan juga dikenali sebagai sumber karotenoid yang amat baik, iaitu sejenis antioksidan yang berkesan (Yan, et. al., 2010, & Kumala, et. al., 2018). Ini dapat membantu mengurangkan risiko aterosklerosis, iaitu penumpukan plak yang menyebabkan penyempitan arteri jantung. Ada juga invidividu yang mengamalkan air rebusan daun pandan yang biasanya diminum selepas daun pandan direbus.

Daun pandan yang dikeringkan dan dihancurkan sering digunakan sebagai rawatan topikal di Asia Tenggara untuk menyembuhkan luka kecil akibat terbakar, selaran matahari, dan masalah kulit lain. Kajian awal menunjukkan bahawa asid tannic pandan menyejukkan luka bakar ringan dengan cepat walaupun lebih banyak kajian diperlukan (Juliano & Tayo, 2020).

Bukan setakat daun pandan sahaja yang berguna tetapi akarnya juga berguna untuk menurunkan bacaaan paras gula. Individu yang mengamalkan pengambilan daripada akar pandan selepas makan boleh mengawal gula dalam darah mereka dengan lebih baik. Walaupun penyelidikan tambahan diperlukan, beberapa kajian awal menunjukkan bahawa individu yang meminum teh pandan selepas makan mengalami tahap gula darah yang lebih rendah daripada individu yang tidak mengambilnya (Cheetangdee, & Chaiseri, 2006).

Daun pandan juga boleh membantu dalam menyelesaikan masalah mental seperti tekanan atau stres, kebimbangan atau kegelisahan. Kebiasannya jika kita menghadapi situasi yang kita tidak suka, berkemungkinan kita akan cepat gelisah dan stres. Cara merawat masalah ini boleh diselesaikan dengan mengambil tumbuhan wangi ini dan dicampur dengan air suam. Pengambilan air campuran

ini boleh diambil dua hingga tiga kali sehari sehingga kita merasa lega dan selesa. Pradopo, et. al., (2017) yang menjalankan kajian ke atas kanak-kanak yang menjalani rawatan pergigian mendapati kanak- kanak akan berasa bimbang apabila ke klinik pergigian untuk menerima rawatan. Oleh itu, untuk mengelakkan kebimbangan dan keresahan tersebut, daun pandan boleh digunakan sebagai aromaterapi manakala muzik relaksasi boleh mengurangkan tahap kebimbangan pesakit kanak-kanak yang menjalani rawatan pergigian tersebut.

Semua orang pasti pernah mengalami keadaan di mana mereka tidak mempunyai selera makan, bukan? Ini berkemungkinan berpunca daripada masalah di dalam mulut atau perut. Badan kita memerlukan nutrisi yang mencukupi untuk terus hidup dengan sihat. Jadi sekiranya kita kurang makan maka kita lebih terdedah kepada penyakit. Salah satu kebaikan daun pandan adalah dapat meningkatkan selera makan. Caranya adalah meminum air teh pandan dan pengambilan sebanyak dua kali sehari dapat dapat membantu meningkatkan tahap kesihatan perut dan oral.

Secara kesimpulannya, daun pandan bukan hanya menawarkan cita rasa dan aroma yang unik, tetapi juga menyediakan sejumlah manfaat untuk kesihatan. Antara kelebihannya termasuk sifat antioksidan yang bertindak menentang radikal bebas, sifat anti-radang, kemampuan untuk mengatasi bakteria dan kulat tertentu, sokongan terhadap pencernaan, serta kawalan terhadap paras gula darah. Di samping itu, daun pandan juga berguna dalam penjagaan kulit kerana aromanya yang menenangkan. Ia sering digunakan dalam pelbagai hidangan dan pencuci mulut untuk memberikan aroma dan warna yang menyegarkan. Namun, kajian saintifik lanjut diperlukan untuk mengesahkan dan memahami sepenuhnya potensi manfaat daun pandan yang telah lama digunakan dalam bidang perubatan tradisional untuk meredakan kesakitan, merawat demam, dan memberikan keselesaan.

Rujukan:

Bodeker, G., & Shekar, S. C. (2009). Health and beauty from the rainforest: Malaysian traditions of ramuan. Biotropics Ramuan.

Cheetangdee, V., & Chaiseri, S. (2006). Free amino acid and reducing sugar composition of pandan (Pandanus amaryllifolius) leaves. Agriculture and Natural Resources, 40 (6 (Suppl.)), 67-74.

Jiang, J. (1999). Volatile composition of pandan leaves (Pandanus amaryllifolius). In Flavor chemistry of ethnic foods (pp. 105-109). Boston, MA: Springer US.

Juliano, M. A. L., & Tayo, L. L. (2020, November). Utilization of pandan leaf fibers (Pandanus simplex merr.) for the production of paper. In IOP Conference Series: Earth and Environmental Science (Vol. 563, No. 1, p. 012012). IOP Publishing.

Kumala, S., Utami, T. J., & Permadi, T. (2018). Phytochemical Screening, Inhibition of Angiotensin Converting Enzyme Activity and Anti-Oxidant Of Extract Pandan Wangi Leaves (Pandanus Amaryllifolius Roxb) In Vitro.

Ningtiyas, E. N., Widyaningsih, T. D., & Sutrisno, A. Optimization of the Formulation of Antidiabetic Functional Drinks According to Sorghum, Red Ginger, and Aromatic Pandan Leaves in Type II Diabetes Rats.

Pradopo, S., Sinaredi, B. R., & Januarisca, B. V. (2017). Pandan Leaves (Pandanus Amaryllifolius) aromatherapy and relaxation music to reduce dental anxiety of pediatric patients. Journal of International Dental and Medical Research, 10(3), 933-937.

Safitri, W., Putri, Y., Sulistyawati, R. A., Sari, F. S., Kanita, M. W., Wulandari, Y., ... & Oktariani, M. (2021). A Comparative Study between the Effect of Pandan Wangi Leaves Boiled Water with Medication Therapy on the Blood Pressure Changes of Hypertension Patients. Open Access Macedonian Journal of Medical Sciences, 9(G), 317-320.

Shameenii, A., Thanebal, P. P., Vun-Sang, S., & Iqbal, M. (2021). Hepatoprotective effects of Pandanus amaryllifolius against carbon tetrachloride (CCl4) induced toxicity: A biochemical and histopathological study. Arabian Journal of Chemistry, 14(10), 103390.

Tan, T. N., Mnocaran, Y. P. A. P., Ramli, M. E., Utra, U., Ariffin, F., & Yussof, N. S. (2022). Physical Properties, Antioxidant Activity, and In Vitro Digestibility of Essential Oil Nanoemulsions of Betel and Pandan Leaves. ACS Food Science & Technology, 3(1), 150-160.

Yan, S. W., & Asmah, R. (2010). Comparison of total phenolic contents and antioxidant activities of turmeric leaf, pandan leaf and torch ginger flower. International Food Research Journal, 17(2), 417-423.

eISSN 2600-9811

PERANCANGAN PERSARAAN

1Nur Aqilah Mohamad Nasruddin, 1A'tiqah Rashidah Abu Samah, 1Roseziahazni Abdul Ghani, 1Zuraida Mohamad, 2Nor Akila Mohd Kassim dan 3Haslina Che Ngah
1Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Dungun, Terengganu.
2Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor, Puncak Alam, Selangor.
3Fakulti Pengurusan Hotel dan Perlancongan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Dungun, Terengganu.
Emel koresponden: atiqah@uitm.edu.my

Setiap tempoh permulaan perkhidmatan ataupun kerjaya pastinya akan berakhir dengan persaraan. Setiap individu di Malaysia mahupun di luar negara sudah tentu mengetahui tentang perkara ini. Setiap negara mempunyai umur persaraan wajib bagi rakyatnya tersendiri. Di Malaysia, umur persaraan wajib adalah 60 tahun. Namun, setiap pekerja khususnya, penjawat awam diberikan pilihan untuk bersara lebih awal. Persoalannya, adakah golongan yang akan bersara atau ingin bersara awal sudah merancang persaraan mereka dengan efisien?

Perancangan persaraan yang efisien akan membantu bakal pesara di kemudian hari, terutamanya dalam aspek kewangan. Perancangan persaraan boleh didefinisikan sebagai kaedah menentukan objektif pendapatan pencen sekaligus menghasilkan pelan kewangan bagi merealisasikan objektif tersebut. Kaedah untuk menentukan perancangan persaraan yang lengkap adalah dengan memfokuskan kepada situasi kewangan semasa dan kos sara hidup pada masa akan datang. Ianya akan memudahkan proses mengatur strategi bagi mencukupkan wang untuk menampung kos sara hidup selepas bersara mengikut gaya hidup masing-masing.

Satu perkara yang akan berlegar dalam fikiran mengenai persaraan, adalah jumlah wang yang diperlukan untuk bersara.

Terdapat beberapa aspek yang perlu ditekankan dalam menentukan berapa banyak jumlah wang yang diperlukan oleh seseorang untuk menjamin kewangan dan ketenangan fikiran semasa tempoh bersara? Antara aspek tersebut adalah jenis gaya hidup yang mempengaruhi kos sara hidup. Semakin mewah gaya hidup seseorang, semakin tinggi kos sara hidup individu tersebut. Seterusnya, anggaran kos perbelanjaan semasa tempoh bersara seperti kos perumahan, makanan, perubatan, dan perbelanjaan kehidupan seharian. Jika anggaran kos semasa bersara adalah tinggi, maka simpanan wang persaraan juga perlu bertambah bagi menampung kos tersebut. Pemilihan umur persaraan juga perlu difokuskan kerana semakin awal seseorang itu

eISSN 2600-9811

bersara, semakin banyak jumlah simpanan persaraan yang perlu ada. Faktor pulangan pelaburan juga boleh ditekankan. Hal ini kerana masih sedikit rakyat Malaysia yang menceburkan diri dalam pelaburan. Majoriti rakyat Malaysia gemar menyimpan aset dalam deposit bank atau wang tunai berbanding melaburkannya dalam pelaburan. Namun, ianya masih tidak terlambat untuk melabur demi kebaikan pada masa hadapan. Pulangan pelaburan yang tinggi dapat meringankan beban seseorang dalam menyimpan untuk simpanan persaraan.

Di Malaysia, terdapat beberapa platform untuk simpanan persaraan dan pelaburan. Antaranya adalah, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), KWSP i-Invest, dan, Skim Persaraan Swasta atau Private Retirement Scheme (PRS).

Bukan itu sahaja, pelaburan juga dapat dilakukan dengan melabur dalam saham, bon, dan, unit amanah. Semakin awal seseorang itu melabur dan menyimpan, semakin tinggi potensi pulangan pelaburan. Hal ini disebabkan oleh hasil kompaun berganda. Sebagai contoh, seseorang melabur sebanyak RM1,000 dan keuntungan setahun daripada pelaburan adalah 10%. Maka, wang itu telah bertambah menjadi RM1,100 setahun. Jadi untuk tahun-tahun berikutnya, katakan keuntungannya adalah sama sebanyak 10%, ianya bukan sekadar untuk RM1,000 yang menjadi asas pelaburan, tetapi juga terhadap RM100 yang diperolehi daripada tahun sebelumnya. Keadaan ini membuktikan bahawa pelaburan ada manfaatnya.

Jika seseorang itu menghampiri alam persaraan, namun simpanan persaraannya masih kurang atau tidak cukup bagi menampung kos sara hidupnya, terdapat beberapa perkara yang perlu dipertimbangkan. Antaranya, melebihkan wang untuk disimpankan dan dilaburkan dalam simpanan persaraan bagi menikmati lebih banyak pulangan pelaburan. Seseorang itu juga dinasihatkan supaya menyelesaikan apa-apa hutang yang tertunggak. Dengan ini, lebih banyak wang dapat disimpan demi kegunaan simpanan jangka masa panjang. Seterusnya, seseorang itu juga boleh mempertimbangkan untuk menangguhkan persaraannya dalam 1 tahun atau 2 tahun. Tindakan ini adalah untuk menjana pendapatan sekaligus meningkatkan wang simpanan persaraan. Hendaklah diingatkan bahawa akaun simpanan persaraan juga perlu disemak 1 atau 2 kali setahun bagi memastikan wang simpanan yang ada cukup dan mampu mencapai objektif pendapatan pencen yang disasar.

Kesimpulannya, perancangan persaraan amatlah penting demi menjamin kestabilan kewangan selepas bersara. Perancangan persaraan yang efisien dan berkesan mampu dihasilkan dan direalisasikan apabila seseorang itu jelas dengan objektif kewangannya. Individu tersebut hendaklah mempunyai disiplin yang tinggi dalam memastikan wang simpanan persaraannya cukup untuk menanggung kos kehidupan selepas tamat tempoh perkhidmatannya atau bersara.

Rujukan:

Aziz, M. A. (2023, August 1). Majoriti rakyat berisiko tak cukup simpanan persaraan. Berita Harian. https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2023/07/1133885/majoriti-rakyat-berisiko-tak-cukup-simpanan-persaraan

eISSN 2600-9811

Postgraduate education is an individual's desire to obtain the highest level of education required to meet career requirements in a field, such as education, self-satisfaction, personal-interest demands, or as a filling in lifelong learning (Graham, 2015). Interestingly, postgraduate education focuses on research and the deeper application of theory into practice, and personal involvement in research is required. However, postgraduate education after the age of 40 is extremely difficult and, for some, a nightmare. Current career commitments, family obligations, health, and the financial costs of studies are among the challenges that arise (Pyh et al., 2012). As a matter of fact, despite a lack of confidence in returning to the world of learning, most people in this age group choose postgraduate education for a satisfying and beneficial experience.

Individuals over the age of 40 are advised to take note of the following strategies for overcoming obstacles in pursuing postgraduate education.

1. Plan carefully during the study period and prioritise time each semester to be actively involved.
2. Ensure that academic demands are balanced with work and family responsibilities to achieve a healthy work-life balance.
3. Develop comprehensive planning and contingency plans. For example, you may need to reduce your working hours; therefore, talk to the head of the department. In addition, household responsibilities should be scheduled based on needs and discussed with your partner. Hire helpers if needed to help lighten your load during your study period, especially if you have a baby or toddler.
4. Make use of flexible or online-learning opportunities. Utilise flexible and online-learning options. Online sessions enable the elimination of study distance gaps and the provision of classes and support from professors or academic advisers, colleagues or family members, and classmates, thereby facilitating communication with other students pursuing a postgraduate degree.

Nevertheless, it is acknowledged that there are numerous benefits of pursuing postgraduate education later in life. Among them, it can lead to new-career opportunities and can also help in increasing existing income. Thus, the fields of medicine, education, and law usually require a postgraduate degree to meet service requirements. In addition, postgraduate education is also special for individuals who want personal satisfaction through unique intellectual stimulation (Amani et al., 2022). Indirectly, it can provide a platform and opportunity to develop skills, improve knowledge, conduct research, and further academic advancement.

According to the preceding discussion, pursuing postgraduate education after the age of 40 is difficult, but it can also be a life-changing experience. Despite the difficulty of balancing academic requirements with personal and professional commitments, the potential for new-career opportunities, personal satisfaction, higher-earning potential, and intellectual stimulation make it worthwhile. Individuals over the age of 40 can overcome these obstacles and achieve their academic and professional objectives with the aid of well-organised time management, family, department, and friend support. Ultimately, it is still possible to invest in yourself and pursue your dreams. Education beyond the undergraduate level can be a key to opening a new chapter and helping you to realise your full potential.

References:

Amani, J., Myeya, H., & Mhewa, M. (2022). Understanding the Motives for Pursuing Postgraduate Studies and Causes of Late Completion: Supervisors and Supervisees' Experiences. SAGE Open, 12(3). https://doi.org/10.1177/21582440221109586

Graham, H. (2015). Re-engaging with Education as an Older Mature Student: Their Challenges, Their Achievements, Their Stories. https://arrow.tudublin.ie/aaschssldis%0Ahttps://arrow.dit.ie/cgi/viewcontent.cgi?article=1078&context=aaschssldis

Pyh, K., Toom, A., Stubb, J., & Lonka, K. (2012). Challenges of Becoming a Scholar : A Study of Doctoral Students ' Problems and Well-Being. 2012. https://doi.org/10.5402/2012/934941

eISSN 2600-9811

Conquering the Age Barrier: PURSUING POSTGRADUATE EDUCATION AFTER 40 YEARS OLD

NUR DALILA ADENAN, NAZLIN EMIZA NGAH, AZLINA SHAMSUDIN, & MARHA ABDOL GHAPAR
FACULTY OF BUSINESS AND MANAGEMENT, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN TERENGGANU

Corresponding email: nurdalilaadenan@uitm.edu.my

MENANGGUK IKAN

MASIH POPULAR DI HULU TERENGGANU

Oleh:
Nurul Syuhada Baharuddin, Roseziahazni Abdul Ghani,
Ira Mazliana Mhd Atan & Wan Anisabanum Salleh
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, MALAYSIA.

Emel koresponden: nurul574@uitm.edu.my

Menangguk ikan merupakan kaedah menangkap ikan secara tradisional yang dilakukan di kawasan sungai. Teknik ini berbeza dengan cara menangkap ikan secara konvensional kerana menangguk memerlukan jaring-jaring khusus yang dikenali sebagai "tadah atau tangguk" untuk menangkap ikan. Manakala “bubu” yang memiliki struktur terapung membolehkannya

mengapung di atas air dan digunakan untuk menahan tadah. Ada juga penangguk yang menggunakan “sarong” iaitu sejenis tenunan tangan yang diperbuat daripada daun mengkuang dan diikat mengelilingi pinggang penangguk. Ia berfungsi sebagai tempat meletakkan ikan yang telah ditangkap. Aktiviti menangguk ikan di sungai-sungai kecil merupakan antara aktiviti yang masih mendapat sambutan di sesetengah kawasan pedalaman di Hulu Terengganu. Ahli-ahli Finance Student Association (FiSA), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Terengganu bersama rakan kolaborasinya Tegas Venture Resources dan Amanah Ikhtiar Malaysia melalui program “Career Path: Entrepreneurial Vision and Money Management” telah berpeluang merasai dan mendapatkan pengalaman sebenar aktiviti menangguk ikan yang semakin jarang ditemui masa kini.

Program ini telah diadakan pada 8 Julai, 2023. Ia melibatkan kira-kira 26 orang peserta yang terdiri daripada ahli FiSA, 4 orang pensyarah Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP) manakala penglibatan lebih 50 orang penduduk Kampung Lubok Periok. Melalui program ini, para peserta dapat mempelajari kaedah menangguk ikan hasil demonstrasi yang dilakukan oleh sebahagian penduduk Kampung Lubuk Periok, Hulu Terengganu. Kegiatan ini agak asing bagi sebahagian besar peserta yang mengikuti program ini, namun masing-masing teruja dan gembira dapat menghayati sendiri pengalaman sebenar menangguk ikan. Menurut En. Abdul Rasek bin Ali, Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Kampung Lubuk Periok, aktiviti menangguk ini masih popular dalam kalangan penduduk kampung tersebut. Ia merupakan aktiviti sosial mereka disamping mencari hasil untuk menyara keluarga. Aktiviti menangguk ini telah diamalkan sejak turun temurun daripada nenek moyang mereka. Selain itu, beliau turut memberi penerangan berkaitan kegiatan ekonomi penduduk yang tumpuan utamanya adalah sektor pertanian melalui penanaman sawit dan getah. Ada sebilangan daripada mereka yang menjalankan perniagaan kecil-kecilan daripada hasil pertanian dan ikan salai hasil aktiviti menangguk dan menjala.

Saudara Muhammad Za'iim bin Mohd Zaki yang merupakan pengarah program tersebut turut menzahirkan rasa teruja dan berpuas hati dengan hasil aktiviti kemasyarakatan atau tanggungjawab sosial universiti (USR) yang dianjurkan. Menurut beliau, para pelajar bukan sahaja dapat belajar tentang budaya hidup, belajar menangguk, belajar memasak makanan tradisi iaitu bubur gandum tetapi mereka juga turut berkongsi ilmu berkaitan inovasi simpan kira-kira melalui penggunaan teknologi dan aplikasi kepada penduduk Kampung Lubuk Periok yang terpilih dalam sesi bersama Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) yang melibatkan 21 orang peminjam-peminjam mikro AIM di sekitar daerah Hulu Terengganu. Turut menyumbang ilmu perniagaan dalam slot bersama alumni UiTM Cawangan Terengganu adalah Encik Aiman Haziq bin Johari yang merupakan Pengasas Aihaz Horizon Sdn. Bhd. melalui perkongsiannya yang bertajuk "Pentingnya Transformasi Perniagaan Dalam Era Globalisasi". Di samping itu, 14 buah keluarga asnaf terpilih turut diberikan sumbangan berupa beras dan barangan keperluan dapur hasil tajaan bersama Tegas Venture Resources, Secretskills Resources, NBJ Solutions dan Flexi Synergy Sdn. Bhd.

UiTM Cawangan Terengganu melalui program-program kemasyarakatan sebegini sebaik

mungkin cuba berkongsi serta menyebar luas kepakaran, kebolehan, pengetahuan dan menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan. Program sebegini juga merupakan lapangan pembelajaran tidak formal kepada para pelajar yang turut memberi impak kepada pembentukan sahsiah diri, kepimpinan dan rasa tanggungjawab terhadap diri serta masyarakat umum.

Kesimpulannya, aktiviti menangguk ikan di Terengganu bukan hanya suatu cara untuk mencari rezeki, tetapi juga merupakan antara seni dan warisan budaya yang patut dikekalkan. Ini adalah pengalaman yang menarik yang boleh dikomersialkan melalui pengisian pelancongan untuk

pelancong dalam atau luar negara yang mencari pengalaman yang berbeza dan ingin merasai kehidupan masyarakat tradisional di Malaysia. Ahli-ahli FiSA amat beruntung kerana diberi peluang untuk merasai sendiri pengalaman menangguk melalui aktiviti kemasyarakatan yang dijalankan di Kampung Lubuk Periok. Sambil menikmati keindahan alam Terengganu, kita dapat memahami lebih mendalam tentang budaya dan sejarah masyarakat setempat. Walaupun teknologi moden semakin meluas dalam industri perikanan, kegiatan menangguk ikan di Terengganu berjaya mengekalkan warisan ini. Generasi muda diterapkan dengan nilai-nilai dan teknik tradisional oleh nenek moyang mereka, memastikan bahawa kegiatan ini terus hidup dan terus memberi sumbangan kepada ekonomi tempatan.

AKU, DIA & NICU *Siri 7*

[1]Nik Noor Afizah Azlan & [2]Mazlan Mat
[1]Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu
[2]Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Terengganu

E-mel koresponden: nikno561@uitm.edu.my

.....Maka bermulalah perjalanan kehidupan kami dengan DIA & NICU...

Masuk hari ke-2 di wad bersalin, aku semakin bertenaga. Suamiku mengajak aku ke Unit Rawatan Rapi Neonatal (NICU) untuk aku berjumpa dengan anak kami buat pertama kali. Memandangkan aku masih sakit dan tidak mampu berjalan seperti biasa lagi, aku disorong oleh suamiku dengan kerusi roda untuk ke NICU. Suamiku memberi penerangan ringkas tentang prosedur untuk berjumpa dengan bayi kami di NICU kerana peraturannya agak ketat demi kesihatan dan keselamatan semua bayi di unit tersebut. Sepanjang perjalanan ke NICU, hatiku berdebar-debar. Perasaan teruja dan gembira membuak-buak namun pada masa yang sama terselit rasa risau dengan kondisi kesihatan anak kami itu.

Sesampai sahaja di hadapan pintu NICU, terpampang amaran "HANYA IBU DAN BAPA BAYI SAHAJA DIBENARKAN MASUK". Kami perlu mendapatkan kebenaran daripada jururawat bertugas untuk memasuki NICU dan kami dikehendaki menanggalkan segala aksesori seperti gelang, cincin, jam atau apa sahaja yang ada di tangan

eISSN 2600-9811

sebelum berjumpa dengan bayi kami. Malah kami juga perlu membasuh tangan dengan sabun serta memakai cecair pembasmi kuman bagi memastikan tangan kami betul-betul bersih. Kerusi roda juga perlu diletakkan di tempat khas di dalam NICU tersebut.

Pertama kali aku menjejakkan kaki ke NICU. Suasananya sangat berbeza dengan wad-wad lain yang pernah aku jejaki sebelum ini. Ia juga mempunyai baunya yang tersendiri. Bau ubat-ubatan bercampur dengan bau bayi-bayi yang ditempatkan di situ. Semasa di pintu masuk lagi, kedengaran pelbagai bunyi mesin dan tangisan bayi. Setiap inkubator mempunyai mesin oksigen dan mesin ubat-ubatan disisinya. Malah dapat dilihat dari pintu masuk, beberapa orang doktor dan jururawat sedang menjalankan rutin mereka terhadap bayi-bayi tersebut. Suasana sebenar tidak dapat aku gambarkan dengan kata-kata, tetapi keadaannya lebih kurang seperti gambar di bawah.

Sedang ralik melihat suasana dalam NICU, perlahan suamiku memaut dan memimpin tanganku ke sudut anak kami ditempatkan. Jantungku semakin berdegup kencang. Berdebar-debar seolah-olah pertama kali ingin berjumpa kekasih hati. Hanya Allah yang tahu perasaanku ketika itu. Suamiku berbisik padaku, “Sayang, inkubator anak kita nombor 7”. Mataku terus melilau mencari inkubator bernombor 7.

Rupa-rupanya inkubator tersebut betul-betul berada di hadapan meja utama doktor dan jururawat, menandakan yang anak kami sangat memerlukan pemantauan rapi oleh pihak doktor dan jururawat. Aku berjalan perlahan-lahan mendekati inkubator nombor 7 tersebut sehinggalah aku terlihat sekujur tubuh bayi kecil yang sedang nyenyak tidur dipenuhi pelbagai jenis tiub dan wayar dari kepala sehingga ke kaki. Suamiku berbisik lagi, “Sayang, inilah anak kita”. Allahuakbar!!! Aku tidak mampu menahan sebak, terus jatuh air mataku melihat keadaan anak kami itu. Gembira tetapi pada masa yang sama sedih dan sayu.

Tiub oksigen dipasangkan di hidungnya, tiub susu dipasangkan di mulutnya, tiub ubat dipasangkan di pusatnya, wayar untuk bacaan jantung diletakkan di dadanya, jarum dan salur darah dipasangkan di tangannya dan wayar untuk bacaan oksigen serta kadar degupan jantung dipasangkan di kakinya. Runtun jiwa seorang ibu melihat keadaan anaknya begitu, tambahan pula dia masih kecil. Aku dimaklumkan oleh jururawat

eISSN 2600-9811

bahawa beratnya semasa dilahirkan adalah 1.1kg. Keadaannya masih kritikal dan memerlukan pemantauan yang sangat rapi. Jantung dan paru-parunya juga masih belum matang sepenuhnya kerana dilahirkan pramatang. Tangan dan kakinya sering sahaja tersentak-sentak dan menggeletar. Ini adalah kesan daripada tekanan darah tinggi ibu semasa mengandung. Astaghfirullah, besarnya ujian yang Engkau berikan pada kami. Aku tidak mampu menahan tangisku. Suamiku terus memelukku dan berbisik untuk kami terus kuat menempuh ujian ini. Aku terus mengajak suamiku pulang ke wad kerana aku belum cukup kuat untuk berhadapan dengan anak kami itu. Suamiku akur kerana dia juga risaukan keadaan kesihatanku yang masih lemah dan emosiku yang masih rapuh. Akhirnya kami balik berehat di wad. Hanya suamiku yang akan ke NICU untuk menghantar bekalan susu pada hari tersebut.

Keesokannya, suamiku mengajak lagi aku untuk pergi berjumpa dengan anak kami di NICU. Aku tidak kuat! Aku tidak mampu! Sambil menangis aku menolak ajakannya. Mata suamiku juga mula berkaca. Dia menghampiriku di katil, memegang tanganku sambil berkata, “Sayang, kita kena kuat untuk anak kita. Kita kena selalu ada di sisinya. Suara dan sentuhan kita akan beri rangsangan kasih sayang dan semangat untuk dia. InsyaAllah, bila kita kuat anak kita juga kuat. Kita jangan berhenti berdoa. Moga Allah beri kekuatan kepada kita dan beri kesembuhan kepada anak kita.”

Aku mulai sedar betapa seorang anak memerlukan ibu dan ayah di sisinya dalam apa jua keadaan tambahan pula dengan keadaan kesihatannya yang sangat kritikal ketika ini. Aku cuba kuatkan semangat demi anak tercinta. Tanpa berlengah, aku menuruni katil perlahan-lahan untuk menaiki kerusi roda dan terus sahaja ke NICU. Aku cuba bertahan untuk tidak menangis. Aku mesti kuat supaya anak kami juga kuat!

Pada hari tersebut, kondisi kesihatan anak kami masih sama seperti sebelumnya. Aku mula memberanikan diri menyentuh kulit halus mulus anak kami sambil berbual-bual memberikan kata semangat. Kami bergilir-gilir menyentuh dan menggosok badannya supaya dia dapat rasakan rangsangan dan aura positif dari kami. Begitulah rutin kami sepanjang aku berada di wad selama 5 hari selain menghantar bekalan susu. Kami akan ke NICU sekurang-kurangnya sekali sehari tetapi suamiku lebih kerap ke sana berbanding aku. Rutin ini berterusan sehinggalah.........

.....bersambung.....

Sumber gambar no 1 NICU
http://abovewhispers.com/2017/01/03/mothers-decry-sorry-state-neonatal-intensive-care-unit

eISSN 2600-9811
eISSN 2600-9811

FENOMENA K-POP

Pencetus Ekonomi Korea Selatan

[1]Nor Hamiza Mohd Ghani, [2]Rosmah Abd.Ghani @ Ismail and [2]Siti Nordiyana Isahak
[1]Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu
[2]Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Johor

Corresponding email:
norha825@uitm.edu.my

Jika dahulu industri hiburan Hollywood memonopoli filem dan muzik Amerika Syarikat sebagai sumber hiburan terbaik. Namun, pada hari ini masyarakat dunia mempunyai pelbagai pilihan untuk mendapatkan hiburan alternatif daripada pelbagai genre dan budaya. Di era globalisasi ini, Korean wave atau Hallyu juga dikenali sebagai gelombang Korea merupakan fenomena budaya pop yang berasal dari Korea Selatan yang menjadi trend kegemaran masyarakat di seluruh dunia.

